

Usul menentang perbuatan menghasut kebencian dan diskriminasi

Kandungan

Pengenalan daripada Menteri Kehakiman	3
Ringkasan usul.....	5
Usul menentang perbuatan menghasut kebencian/permusuhan.....	5
Meningkatkan perlindungan terhadap diskriminasi yang lebih luas	6
Cara membuat penyerahan.....	8
Kerajaan ingin mendengar pandangan anda	8
Penyerahan boleh dibuat dari 25 Jun hingga 6 Ogos 2021	8
Anda boleh membuat penyerahan melalui laman web Citizen Space Kementerian	8
Anda juga boleh menghantar melalui e-mel atau melalui pos	8
Kerahsiaan dan maklumat peribadi.....	8
Soalan dan maklumat lanjut.....	9
Kebimbangan keselamatan	10
Apakah yang boleh anda lakukan sekiranya anda mengalami ucapan atau tingkah laku yang berbentuk kebencian?	10
Latar belakang dan konteks	11
Mengapa Kerajaan melakukan ini?	11
Hak kebebasan bersuara dilindungi tetapi tertakluk kepada had yang munasabah.....	12
Akta Hak Asasi Manusia 1993 mengandungi dua peruntukan yang melarang perbuatan menghasut permusuhan.....	13
Beberapa masalah telah dikenal pasti dengan undang-undang semasa.....	15
Kerajaan mencari maklum balas mengenai enam usul ini	17
Apakah tujuan usul ini?	17
Apakah penglibatan yang ada setakat ini?	17
Pertimbangan Perjanjian Waitangi	18
Langkah seterusnya	18
Dokumen ini memberikan soalan untuk maklum balas mengenai usul tersebut	19
Terdapat lampiran yang menjelaskan lebih terperinci mengenai perubahan undang-undang	19

Usul yang berkaitan dengan perbuatan menghasut kebencian.....	20
Meningkatkan kumpulan yang dilindungi oleh peruntukan perbuatan menghasut	20
Memperjelaskan tingkah laku yang dilarang oleh undang-undang dan meningkatkan akibat melanggar undang-undang	22
Meningkatkan perlindungan terhadap diskriminasi secara lebih luas	26
Usaha berkaitan yang tidak dirujuk di dalam dokumen ini	29

Pengenalan daripada Menteri Kehakiman

Tēna koutou,

Masyarakat kita menjadi lebih kuat kerana terdapat ramai orang yang menganggap Aotearoa New Zealand sebagai rumah mereka.

Akta Hak Asasi Manusia 1993 melarang pertuturan yang menimbulkan ketidakharmonian kaum dan melarang diskriminasi terhadap seseorang disebabkan aspek identiti mereka. Selepas tinjauan oleh Kementerian Kehakiman dan cadangan daripada Suruhanjaya Siasatan Diraja mengenai serangan pengganas di Masjid Christchurch pada 15 Mac 2019, Kerajaan mengusulkan perubahan untuk memperkuatkan dan memperjelaskan perlindungan ini. Kerajaan juga mengusulkan dua perubahan perundangan lebih lanjut terhadap peruntukan diskriminasi secara lebih luas. Dokumen ini memberi anda peluang untuk memberikan maklum balas mengenai usul ini dan cadangan penambahbaikan.

Usul tersebut mensasarkan jenis komunikasi yang berusaha menyebarkan dan menanamkan perasaan tidak bertoleransi, prasangka dan kebencian terhadap kelompok dalam masyarakat kita. Semua orang adalah sama, dan masyarakat kita terdiri daripada golongan dari pelbagai aspek yang berbeza dengan identiti mereka. Perbuatan menghasut kebencian terhadap kelompok berdasarkan ciri bersama, seperti etnik, agama, atau seksualiti, adalah serangan terhadap nilai inklusif dan kepelbagaian kita. Tiada toleransi untuk perbuatan menghasut sebegini dan ia tidak mendapat tempat dalam masyarakat kita.

Kebebasan bersuara ialah nilai penting yang dipertahankan oleh Kerajaan ini. Perkara ini termaktub dalam Akta Rang Undang-undang Hak Asasi 1990 New Zealand, bersama dengan kebebasan daripada diskriminasi. Tujuan usul ini adalah untuk melindungi hak-hak ini dengan lebih baik, termasuk hak orang yang menjadi sasaran ucapan kebencian untuk mengekspresikan diri secara bebas. Akta Rang Undang-undang Hak Asasi membenarkan had yang wajar ke atas hak, seimbang dengan hak dan kepentingan orang lain.

Usul ini bertujuan untuk menerapkan peruntukan perbuatan menghasut secara lebih luas kepada kumpulan lain yang mengalami ucapan kebencian, seperti kumpulan agama dan komuniti pelangi. Usul tersebut tidak menurunkan ambang tinggi untuk jenayah ucapan atau menghalang perbincangan awam mengenai isu-isu penting.

Kerajaan ingin memupuk perpaduan sosial yang lebih besar di Aotearoa sehingga menjadi tempat yang semua orang berasa dimiliki. Bahagian penting daripada ini adalah menentang tingkah laku dan bahasa yang merosakkan orang kita. Aotearoa menjadi lebih kuat disebabkan kepelbagaian kita. Masyarakat yang bersikap empati terhadap orang lain dan mendorong perpaduan terus mengukuhkan masyarakat kita. Pengalaman kebencian boleh membuat orang berasa tidak selamat dan tidak dialu-alukan di tempat yang seharusnya mereka rasa seperti berada di tempat sendiri. Tindakan ini juga boleh menyebabkan berlakunya diskriminasi dan keganasan. Saya menggalakkan anda untuk berkongsi pandangan anda mengenai usul ini dengan kami.

Ngā mihi

Hon Kris Faafoi
Menteri Kehakiman

Ringkasan usul

Kerajaan telah bersetuju secara prinsip terhadap semua usul yang disenaraikan di bawah. Perjanjian secara prinsip bermaksud perjanjian umum yang luas terhadap usul tetapi bukan mengenai perubahan khusus yang terperinci. Ini bermaksud Kerajaan berpendapat bahawa perubahan tersebut ialah idea yang baik tetapi ingin mendengar pendapat orang lain sebelum membuat keputusan akhir dan mengusulkan perundangan untuk mengubah undang-undang. Usul boleh diubah berdasarkan maklum balas yang diterima.

Penerangan terperinci mengenai usul-usul ini dan alasan-alasan yang dikemukakan boleh didapati pada halaman 17 di dalam dokumen ini.

Usul ini hanyalah sebahagian kecil daripada maklum balas Kerajaan terhadap saranan Suruhanjaya Siasatan Diraja mengenai serangan pengganas di Masjid Christchurch pada 15 Mac 2019. Sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk memahami dan menangani jenayah kebencian dan ucapan kebencian secara umum disenaraikan pada halaman 25. Anda boleh mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai ini dan usaha lain untuk memberi maklum balas terhadap cadangan di sini: <https://dpmc.govt.nz/our-programmes/national-security/royal-commission-inquiry-terrorist-attack-christchurch-masjidain>

Usul menentang perbuatan menghasut kebencian/permusuhan

Meningkatkan kumpulan yang dilindungi oleh peruntukan perbuatan menghasut

- **Usul Satu:** Ubah bahasa dalam peruntukan perbuatan menghasut dalam Akta Hak Asasi Manusia 1993 untuk melindungi lebih ramai kumpulan yang menjadi sasaran ucapan kebencian.
 - Pada masa ini, sekumpulan orang dilindungi di bawah Akta ini sekiranya kebencian dihasut dengan cara tertentu terhadap mereka disebabkan warna kulit, kaum, asal usul etnik atau bangsa mereka
 - Di bawah usul ini, lebih ramai kumpulan akan dilindungi oleh undang-undang jika kebencian dihasut terhadap mereka disebabkan ciri yang mereka miliki. Ini mungkin merangkumi sebahagian atau semua alasan lain dalam Akta Hak Asasi Manusia. Alasan ini disenaraikan di dalam seksyen 21 dalam Akta, yang termasuk dalam Lampiran Satu.

Memperjelas tingkah laku yang dilarang oleh undang-undang dan meningkatkan akibat melanggar undang-undang

- **Usul Dua:** Gantikan peruntukan jenayah sedia ada dalam Akta Hak Asasi Manusia 1993 dengan kesalahan jenayah baharu dalam Akta Jenayah 1961 yang lebih jelas dan berkesan.
 - Undang-undang akan berubah supaya seseorang yang dengan sengaja menghasut, membangkitkan, mempertahankan atau menormalkan kebencian terhadap sekumpulan individu tertentu berdasarkan ciri yang tersenarai dalam Usul Satu, akan melanggar undang-undang jika mereka melakukannya dengan cara mengancam, mencaci atau menghina, termasuk dengan menghasut keganasan
 - Individu tersebut akan melanggar undang-undang tidak kira cara mereka membuat ancaman, cacian atau penghinaan. Tidak kira sama ada ia dibuat secara lisan kepada orang lain, secara bertulis (dalam bentuk lukisan atau kata-kata) atau dalam talian (seperti di media sosial, dalam e-mel, atau dalam mesej digital).
- **Usul Tiga:** Tingkatkan hukuman bagi kesalahan jenayah tersebut untuk menggambarkan keseriusannya dengan lebih baik. Ini akan diubah daripada penjara hingga tiga bulan atau denda hingga \$7,000, menjadi penjara hingga tiga tahun atau denda hingga \$50,000.
- **Usul Empat:** Ubah bahasa peruntukan perbuatan menghasut sivil agar sesuai dengan perubahan yang dibuat terhadap peruntukan jenayah.

Meningkatkan perlindungan terhadap diskriminasi yang lebih luas

- **Usul Lima:** Ubah peruntukan sivil agar menjadikan "perbuatan menghasut untuk mendiskriminasi" melanggar undang-undang.
 - Undang-undang akan berubah supaya seseorang dilarang daripada menghasut atau membangkitkan orang lain untuk melakukan diskriminasi terhadap mana-mana kumpulan disebabkan ciri yang dilindungi oleh undang-undang tersebut. Seseorang yang mendorong orang lain untuk memperlakukan anggota kumpulan yang dilindungi dengan lebih buruk atau berbeza daripada yang lain

akan melanggar undang-undang. Ini bermaksud seseorang kemudian boleh mengadu kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia.

- **Usul Enam:** Tambah dalam alasan diskriminasi dalam Undang-Undang Hak Asasi Manusia untuk menjelaskan bahawa golongan trans, kepelbagaian gender dan interseks dilindungi daripada diskriminasi.
 - Pada masa ini, mendiskriminasi orang kerana jantina mereka adalah melanggar undang-undang. Kerajaan berpendapat bahawa ini melindungi mereka daripada diskriminasi disebabkan identiti atau ekspresi jantina, ciri-ciri seks atau status interseks seseorang tetapi undang-undang boleh memperjelas mengenai hal ini. Undang-undang akan berubah untuk secara khusus merangkumi aspek jantina dan seks ini.

Cara membuat penyerahan

Kerajaan ingin mendengar pandangan anda

Kerajaan ingin menerima maklum balas daripada pelbagai kumpulan dan orang ramai mengenai usul di dalam dokumen ini. Maklum balas dan cadangan anda untuk penambahbaikan akan memberitahu keputusan akhir Kerajaan.

Dokumen perbincangan ini hanya mengenai peruntukan perbuatan menghasut dalam Akta Hak Asasi Manusia. Maklumat mengenai usaha lain yang berkaitan yang dilakukan oleh Kerajaan tersedia pada halaman 25.

Penyerahan boleh dibuat dari 25 Jun hingga 6 Ogos 2021

Penyerahan dibuka dari 25 Jun 2021 hingga 6 Ogos 2021.

Sekiranya Kerajaan bersetuju untuk melakukan perubahan terhadap undang-undang, anda juga akan berpeluang memberikan maklum balas mengenai pindaan undang-undang semasa proses pemilihan panitia.

Anda boleh membuat penyerahan melalui laman web Citizen Space Kementerian

Anda boleh menemui Citizen Space di <https://consultations.justice.govt.nz>. Laman web ini menyediakan cara mudah untuk memberikan maklum balas mengenai usul tersebut.

Anda juga boleh menghantar melalui e-mel atau melalui pos

Anda boleh menghantar penyerahan anda melalui e-mel ke humanrights@justice.govt.nz.

Anda boleh menghantar penyerahan bertulis kepada Hak Asasi Manusia, Kementerian Kehakiman, SX10088, Wellington.

Kerahsiaan dan maklumat peribadi

Sila ambil maklum bahawa maklum balas anda mungkin tertakluk kepada permintaan kepada Kementerian Kehakiman untuk mendapatkan maklumat di bawah Akta Maklumat Rasmi 1982. Maklumat peribadi boleh dirahsiakan di bawah Akta, termasuk nama dan alamat anda. Sekiranya anda tidak mahu maklumat yang anda berikan dikeluarkan, sila nyatakan dengan jelas dan

terangkan sebabnya. Sebagai contoh, anda mungkin ingin maklumat tertentu dirahsiakan kerana ia merupakan maklumat peribadi yang sensitif. Kementerian Kehakiman akan mempertimbangkan pandangan anda semasa memberi maklum balas terhadap permintaan tersebut.

Akta Privasi 2020 mengatur cara Kementerian mengumpulkan, menahan, menggunakan dan mendedahkan maklumat peribadi mengenai anda dan maklumat yang anda berikan. Anda berhak untuk mengakses dan membetulkan maklumat peribadi.

Kementerian akan mengeluarkan ringkasan serahan secara proaktif. Ringkasan tersebut tidak akan merangkumi maklumat yang dapat mengenal pasti individu.

Soalan dan maklumat lanjut

Sekiranya anda mempunyai pertanyaan atau ingin mendapatkan maklumat lanjut mengenai tinjauan atau proses penyerahan, sila lawati laman web kami: www.justice.govt.nz/proposals-against-incitement-of-hatred-and-discrimination atau hubungi kami melalui e-mel: humanrights@justice.govt.nz.

Kerajaan ingin mengurangkan atau menghapuskan sekatan daripada membuat penyerahan sebanyak mungkin tetapi memahami bahawa mungkin masih terdapat beberapa halangan untuk berkongsi pandangan anda. Sekiranya anda tidak dapat mengakses untuk membuat penyerahan melalui Citizen Space, e-mel atau pos, sila hubungi kami melalui salah satu cara yang disenaraikan di atas dan kami akan bekerjasama dengan anda untuk membantu anda membuat penyerahan.

Kebimbangan keselamatan

Dokumen perbincangan ini meminta pandangan anda mengenai perubahan undang-undang yang berkaitan dengan perbuatan menghasut kebencian. Walaupun kami mengalu-alukan penyerahan mengenai pengalaman orang ramai, kami menyarankan agar anda tidak mendedahkan maklumat sensitif atau peribadi yang ingin anda rahsiakan, dan meminta agar anda tidak menamakan individu yang dapat dikenal pasti.

Apakah yang boleh anda lakukan sekiranya anda mengalami ucapan atau tingkah laku yang berbentuk kebencian?

Keselamatan anda penting bagi kami. Sekiranya kandungan di dalam dokumen ini membahayakan anda secara fizikal atau mental, mustahak bagi anda mengetahui tempat untuk mendapatkan maklumat atau meminta pertolongan.

- Sekiranya anda berasa keselamatan anda berisiko, sila hubungi pihak Polis. Sekiranya berlaku kecemasan, sila hubungi 111. Sekiranya anda tidak berada dalam bahaya sekarang, sila hubungi 105.
- Untuk mendapatkan maklumat mengenai cara Suruhanjaya Hak Asasi Manusia dapat membantu, sila rujuk <https://www.hrc.co.nz/enquiries-and-complaints/how-make-complaint/>
 - o Untuk mendapatkan maklumat mengenai gangguan perkauman <https://www.hrc.co.nz/enquiries-and-complaints/faqs/racially-offensive-comments/>
- Untuk penganiayaan yang berlaku dalam talian <https://www.netsafe.org.nz/>
- Sekiranya anda ingin bercakap dengan seseorang tentang perasaan anda, anda boleh menghubungi atau menghantar SMS ke 1737.

Latar belakang dan konteks

Mengapa Kerajaan melakukan ini?

Apakah itu ucapan kebencian?

'Ucapan kebencian' ialah istilah luas yang tidak digunakan dalam undang-undang Aotearoa New Zealand. Secara umumnya, ia ditakrifkan sebagai ucapan yang menyerang individu atau kumpulan berdasarkan ciri umum, misalnya etnik, agama atau seksualiti.

Usul di dalam dokumen ini berkaitan secara khusus dengan ucapan yang menimbulkan kebencian terhadap suatu kumpulan

Usul dan peruntukan semasa dalam Undang-Undang Hak Asasi Manusia memfokuskan kepada ucapan yang 'menghasut kebencian' orang lain terhadap suatu kumpulan. Ucapan yang 'menghasut kebencian' ialah ucapan kasar atau ancaman yang membangkitkan permusuhan terhadap sekumpulan individu (berbanding ditujukan kepada seorang individu) berdasarkan ciri umum yang mereka kongsi.

Ucapan yang menghasut kebencian menyebabkan kemudaratan yang besar

Kerajaan menganggap ucapan yang menghasut kebencian sebagai ancaman terhadap kesetaraan, kepelbagaian, rasa hormat dan keadilan. Perbuatan menghasut kebencian menyebabkan kemudaratan yang besar, memberi kesan negatif kepada masyarakat yang menjadi sasaran kepada kebencian, dan akhirnya dapat menimbulkan keganasan. Menghasut kebencian merosakkan masyarakat kita dengan menimbulkan permusuhan dan menghalang kemasukan sosial, menyebarkan rasa tidak percaya dan perpecahan antara semua komuniti kita.

Perjanjian hak asasi manusia antarabangsa memerlukan perundangan yang menentang ucapan kebencian

Menghasut kebencian dilarang di bawah perjanjian hak asasi manusia antarabangsa. Aotearoa merupakan anggota Konvensyen Antarabangsa mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (CERD), yang mewajibkan negara-negara membuat perundangan menentang ucapan kebencian perkauman, yang telah dilakukan oleh Aotearoa.

Perjanjian Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik (ICCPR) juga memerlukan undang-undang menentang kebencian kebangsaan, perkauman atau agama yang menghasut orang lain untuk melakukan diskriminasi, permusuhan atau keganasan.

Kerajaan ingin meningkatkan perlindungan terhadap perbuatan menghasut kebencian

Melindungi orang ramai daripada perbuatan menghasut kebencian akan menggalakkan masyarakat yang lebih selamat dan memperkuat mesej bahawa perbuatan menghasut kebencian ialah tingkah laku yang dianggap oleh masyarakat sebagai suatu kesalahan dan membawa keburukan. Perbuatan tersebut sudah dilarang oleh undang-undang sivil dan jenayah, tetapi undang-undang ini boleh ditambah baik.

Perincian mengenai usul yang sedang dipertimbangkan oleh Kerajaan tersedia pada halaman 17.

Kerajaan ingin mendengar pandangan anda mengenai usul tersebut

Dokumen perjanjian ini bertujuan untuk menguji usul tersebut. Ia memberikan maklumat mengenai usul dan mencari maklum balas dan cadangan untuk penambahbaikan.

Kerajaan tahu bahawa terdapat kepentingan awam yang tinggi dalam usaha ini dan pandangan anda amat penting untuk didengari.

Hak kebebasan bersuara dilindungi tetapi tertakluk kepada had yang munasabah

Seksyen 14 dalam Akta Rang Undang-undang Hak Asasi New Zealand 1990 melindungi kebebasan bersuara. Ini termasuk kebebasan untuk mencari, menerima dan menyampaikan maklumat dan pendapat dalam sebarang bentuk. Hak kebebasan bersuara ditegaskan dalam Deklarasi Universal Hak Asasi Manusia 1948 dan ICCPR.

Seperti semua hak dan kebebasan dalam Akta Rang Undang-Undang Hak Asasi, hak kebebasan bersuara dapat dibatasi oleh undang-undang sedemikian rupa sehingga dapat dibenarkan dalam masyarakat yang bebas dan demokratik. Terdapat beberapa undang-undang di Aotearoa yang menghadkan kebebasan bersuara yang dibenarkan. Undang-undang ini bertujuan untuk menyeimbangkan kebebasan bersuara serta hak dan kepentingan lain. Sebagai contoh, rejim klasifikasi filem menghadkan kebebasan bersuara pencipta dan penonton untuk menegakkan hak kanak-kanak dan orang awam yang lain, untuk melindungi mereka daripada kandungan yang mungkin dianggap berbahaya atau yang melanggar standard masyarakat.

Akta Hak Asasi Manusia 1993 mengandungi dua peruntukan yang melarang perbuatan menghasut permusuhan

Peruntukan perbuatan menghasut terdiri daripada peruntukan sivil dan jenayah

Sistem undang-undang sivil meliputi pertikaian peribadi antara individu, organisasi dan dalam kes tertentu, kerajaan tempatan atau pusat. Pertikaian mungkin mengenai kontrak, hutang atau tindakan seperti kelalaian. Tindakan sivil disediakan untuk pembaikan ancaman atau kerosakan yang disebabkan oleh satu pihak kepada pihak yang lain, dan untuk mencegah ancaman daripada berulang.

Sistem undang-undang jenayah bertujuan untuk melarang kelakuan yang dianggap oleh masyarakat sebagai suatu kesalahan atau membawa kemudaratan melalui hukuman, pencegahan dan penolakan masyarakat. Kes jenayah kebiasaannya diambil oleh Negara, bagi pihak masyarakat, terhadap seseorang individu.

Peruntukan perbuatan menghasut sivil terhadap ketidakharmonian kaum

Peruntukan sivil dalam Akta Hak Asasi Manusia (seksyen 61) mengatakan bahawa ia melanggar undang-undang untuk menggunakan, menerbitkan, menyiarkan atau menyebarkan perkara bertulis atau menggunakan kata-kata yang:

1. mengancam, kasar atau menghina, dan
2. berkemungkinan menghasut permusuhan atau menghina sebarang kumpulan berdasarkan warna kulit, kaum, asal usul etnik atau bangsa mereka.

Seseorang boleh membuat aduan kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suruhanjaya) apabila mereka berpendapat bahawa seseorang telah melakukan sesuatu yang menurut seksyen 61 bertentangan dengan undang-undang. Seseorang boleh membuat aduan kepada Suruhanjaya mengenai sebarang ucapan walaupun mereka tidak tergolong dalam kumpulan yang dituju.

Peranan Suruhanjaya adalah untuk berusaha menyelesaikan aduan tersebut. Suruhanjaya boleh memberikan maklumat, sokongan penyelesaian masalah dan pengantaraan. Pengantaraan tidak diwajibkan. Sekiranya pengantaraan ditolak atau gagal menyelesaikan aduan, pengadu boleh mengajukan permohonan kepada Tribunal Tinjauan Hak Asasi Manusia (Tribunal). Tribunal boleh menjalankan perbicaraan dan memutuskan kes berdasarkan bukti yang ada.

Sekiranya Tribunal mendapati bahawa pelanggaran seksyen 61 telah berlaku, ia boleh memberikan apa-apa penyelesaian yang difikirkan sesuai. Ini termasuk menyatakan bahawa

defendan telah melakukan pelanggaran, membuat perintah penahanan terhadap defendan untuk mencegah mereka daripada terus atau mengulangi pelanggaran tersebut, dan membayar ganti rugi hingga \$350,000.

Teks lengkap seksyen 61 disediakan dalam Lampiran Satu.

Peruntukan jenayah kerana menghasut ketidakharmonian kaum

Peruntukan jenayah dalam Akta Hak Asasi Manusia (seksyen 131) mengatakan bahawa menghasut ketidakharmonian kaum ialah satu kesalahan jenayah dengan menerbitkan, menyiarkan atau menyebarkan perkara bertulis atau menggunakan kata-kata seperti berikut:

1. mengancam, kasar atau menghina,
2. cenderung menghasut permusuhan atau niat buruk, menghina atau memperlekehkan mana-mana kumpulan atas alasan warna kulit, kaum, asal usul etnik atau bangsa, dan
3. bertujuan untuk menghasut permusuhan, niat buruk, penghinaan atau ejekan.

Kesalahan ini boleh dihukum penjara hingga tiga bulan atau denda \$7,000. Seseorang yang didakwa di bawah seksyen 131 akan dibicarakan di Mahkamah Daerah untuk memutuskan sama ada mereka bersalah atau tidak.

Teks lengkap seksyen 131 disediakan dalam Lampiran Satu.

Peruntukan perbuatan menghasut ialah had yang wajar untuk kebebasan bersuara

Bersama-sama, peruntukan perbuatan menghasut membentuk pendekatan seimbang yang mempertimbangkan keseriusan ucapan kebencian terhadap keterukan hukuman yang dijatuhkan. Hukuman tersebut menunjukkan bahawa mendorong perasaan memusuhi orang lain dengan sengaja (seksyen 131) adalah lebih serius berbanding ucapan tanpa niat (bahagian 61).

Peruntukan perbuatan menghasut semasa menumpukan kepada ucapan yang akan membuat seseorang percaya bahawa masyarakat yang terdiri daripada pelbagai etnik tidak dapat berfungsi, dan oleh itu berusaha untuk menjadikan antara mereka saling menentang. Undang-undang melarang perbuatan menghasut ini kerana ia tidak bersesuaian dengan hak asasi manusia dan nilai demokrasi Aotearoa New Zealand. Sikap ini bertentangan dengan prinsip demokrasi kerana ia berdasarkan idea yang disebabkan oleh ciri bersama, seperti etnik, agama atau seksualiti, kumpulan orang tertentu yang kurang penting berbanding kumpulan yang lain. Mungkin terdapat kepercayaan bahawa kumpulan ini tidak boleh memiliki hak yang sama, diperlakukan secara berbeza dan dikecualikan.

Ucapan yang menghasut kebencian boleh mengakibatkan pelanggaran terhadap hak asasi manusia kumpulan sasaran, seperti hak kesetaraan, kebebasan bersuara, kebebasan bergerak dan kebebasan berpersatuan. Ini kerana tingkah laku sebegini boleh menyebabkan ancaman

besar dan membuat orang berasa tidak selamat, akhirnya menghalang mereka daripada mengambil bahagian dalam kehidupan awam dan dimasukkan ke dalam masyarakat. Atas sebab-sebab ini, pembatasan jenis ucapan sebegini melalui keseimbangan undang-undang sivil dan jenayah diperlukan.

Terdapat undang-undang lain yang melarang jenis ucapan kebencian yang lain

Terdapat undang-undang lain yang melindungi individu daripada pelbagai jenis ucapan kebencian. Sebagai contoh, Ringkasan Akta Kesalahan 1981, Akta Komunikasi Digital Berbahaya 2015, Akta Gangguan 1997 dan Akta Klasifikasi Filem, Video dan Penerbitan 1993 terpakai untuk beberapa jenis ucapan yang mengancam.

Dokumen perbincangan ini hanya mengenai peruntukan perbuatan menghasut dalam Akta Hak Asasi Manusia. Maklumat mengenai usaha lain yang berkaitan yang dilakukan oleh Kerajaan tersedia pada halaman 25.

Beberapa masalah telah dikenal pasti dengan undang-undang semasa

Beberapa masalah dengan peruntukan semasa telah dikenal pasti oleh tinjauan yang dilakukan oleh Kementerian Kehakiman, dan oleh Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja mengenai serangan penganas di Masjid Christchurch pada 15 Mac 2019.

Pengungkapan semasa mengenai peruntukan jenayah adalah tidak jelas

Suruhanjaya Diraja mendapati bahawa pengungkapan dalam peruntukan jenayah tidak memberikan standard yang cukup jelas mengenai jenis tingkah laku yang harus dikategorikan sebagai jenayah. Ia menyatakan bahawa pengungkapan semasa terlalu rumit dan mencadangkan pengungkapan yang disusun semula yang bermaksud hanya ucapan yang ekstrem sahaja yang akan dirangkumkan. Suruhanjaya Diraja menyatakan masalah yang sama dengan pengungkapan dalam peruntukan sivil, walaupun cadangannya hanya tertumpu pada peruntukan jenayah. Suruhanjaya Diraja menyatakan bahawa peruntukan jenayah tersebut sudah lapuk, dan bahawa, tidak seperti peruntukan sivil, peruntukan jenayah tidak meliputi komunikasi elektronik.

Ucapan yang menghasut kebencian memberi kesan kepada lebih ramai kumpulan berbanding kumpulan yang dilindungi oleh peruntukan pada masa ini

Tinjauan Kementerian, dan Laporan Suruhanjaya Diraja, kedua-duanya mendapati bahawa peruntukan terlalu sempit dari segi kumpulan yang dilindungi kerana ia hanya berkaitan dengan

bangsa, kewarganegaraan, etnik dan warna kulit. Ini merupakan empat daripada tiga belas "alasan diskriminasi yang dilarang" yang disenaraikan dalam seksyen 21 dalam Akta Hak Asasi Manusia.

Alasan diskriminasi yang dilarang bermaksud bahawa diskriminasi berdasarkan ciri yang disenaraikan adalah tidak sah melainkan terdapat satu atau lebih pengecualian terhad. Teks lengkap seksyen 21 disediakan dalam Lampiran Satu.

Ini ialah jurang kerana kumpulan tertentu yang dilindungi daripada diskriminasi tidak termasuk dalam perlindungan daripada ucapan yang menghasut kebencian. Walau bagaimanapun, kumpulan lain boleh dijadikan sasaran ucapan yang menghasut kebencian.

Hukuman kerana melanggar peruntukan jenayah terlalu rendah

Tinjauan Kementerian, dan laporan Suruhanjaya Diraja, kedua-duanya membuat kesimpulan bahawa hukuman penjara tiga bulan untuk kesalahan jenayah itu agak rendah dan tidak mencerminkan keseriusan menghasut kebencian secara sengaja.

Kerajaan mencari maklum balas mengenai enam usul ini

Apakah tujuan usul ini?

Usul tersebut bertujuan untuk menangani masalah dengan undang-undang semasa, seperti yang dikenal pasti di atas. Perubahan ini bertujuan untuk menjadikan perlindungan terhadap ucapan yang menghasut kebencian lebih jelas dan berkesan. Beberapa perubahan ini telah disarankan oleh Suruhanjaya Diraja. Kerajaan telah setuju secara prinsip untuk membuat semua perubahan dalam usul. Perjanjian secara prinsip bermaksud perjanjian umum yang luas terhadap usul tetapi bukan mengenai perubahan khusus yang terperinci.

Perubahan ini bertujuan untuk memastikan bahawa keperluan dan harapan masyarakat untuk perlindungan terhadap ucapan yang menghasut kebencian dipenuhi. Kerajaan berpendapat bahawa usul baharu dapat menemukan keseimbangan yang tepat antara ucapan kebencian yang harus dilarang dan, dalam keadaan tertentu, dikategorikan sebagai jenayah.

Perubahan undang-undang akan membantu kita memenuhi kewajiban hak asasi manusia antarabangsa di bawah ICCPR dan sejajar dengan cadangan yang diberikan oleh badan hak asasi manusia antarabangsa, seperti Majlis Hak Asasi Manusia di Tinjauan Berkala Universal (UPR) New Zealand pada Januari 2019, oleh Jawatankuasa Badan-badan Bersatu (PBB) mengenai Penghapusan Diskriminasi terhadap Wanita pada bulan Julai 2018, dan oleh Jawatankuasa Badan-badan Bersatu (PBB) mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Perkauman pada tahun 2017.

Kerajaan ingin mendengar dan mempertimbangkan pandangan anda mengenai usul ini sebelum membuat keputusan muktamad.

Apakah penglibatan yang ada setakat ini?

Penglibatan dalam ucapan kebencian

Pada tahun 2019, Kementerian Kehakiman dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia bertemu dengan kumpulan yang berkemungkinan besar menjadi sasaran ucapan kebencian untuk lebih memahami pengalaman dan pandangan mereka. Penglibatan ini memaklumkan usul di dalam dokumen ini.

Penglibatan dalam laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja

Suruhanjaya Siasatan Diraja mengenai Serangan Penganas di Masjid Christchurch mengeluarkan laporannya secara terbuka pada 8 Disember 2020. Setelah Laporan itu dikeluarkan, Hon Andrew Little, Menteri Koordinasi Utama untuk Suruhanjaya Diraja dan Hon

Priyanca Radhakrishnan, Menteri Kepelbagaian, Inklusi dan Komuniti Etnik, bersama para pegawai daripada pelbagai agensi kerajaan, mengadakan 33 perjumpaan awam dengan komuniti Muslim dan komuniti kepercayaan dan etnik yang lebih luas di seluruh Aotearoa pada bulan Januari dan Februari 2021.

Perjumpaan ini diadakan untuk membantu Kerajaan memahami masalah utama dan keutamaan masyarakat, menjawab pertanyaan mengenai laporan dan pelaksanaannya, memberikan maklum balas mengenai inisiatif yang sedang berjalan, dan membincangkan cara masyarakat dapat terus terlibat dan bekerjasama dengan Kerajaan dan agensi kerajaan pada masa hadapan. Banyak isu yang dibincangkan dalam perjumpaan ini. Salah satu tema yang muncul adalah bahawa ucapan kebencian, jenayah kebencian dan insiden kebencian yang dialami oleh ramai orang dalam masyarakat kita, dan reformasi perundangan ialah alat penting untuk perubahan.

Pertimbangan Perjanjian Waitangi

Perjanjian Waitangi relevan dengan peruntukan perbuatan menghasut dan perlindungan terhadap diskriminasi dalam Undang-Undang Hak Asasi Manusia dan usul di dalam dokumen ini. Māori merupakan kumpulan yang mengalami ucapan kebencian dan pada masa ini dilindungi oleh peruntukan hasutan atas alasan "kaum" atau "asal usul etnik". Usul di dalam dokumen ini bertujuan untuk melindungi kumpulan etnik, termasuk Māori, dengan lebih baik daripada ucapan yang menghasut kebencian. Khususnya, perlindungan akan diperkuat yang mana Māori akan dilindungi oleh mana-mana daripada alasan diskriminasi lain yang dilarang, misalnya yang berkaitan dengan takatāpui.

Langkah seterusnya

Merujuk pada analisis penyerahan, Kerajaan akan mempertimbangkan untuk membuat perubahan yang diusulkan sebagaimana adanya, atau untuk mengubahnya berdasarkan maklum balas, atau untuk mengambil tindakan lain.

Ringkasan penyerahan akan tersedia dan maklumat mengenai keputusan muktamad Kerajaan dijangka akan diumumkan pada akhir tahun ini.

Dokumen ini memberikan soalan untuk maklum balas mengenai usul tersebut

Bahagian berikut merangkumi keenam-enam usul dan memberikan soalan khusus yang berkaitan dengan usul secara individu. Tiga soalan yang boleh anda gunakan sebagai bantuan untuk penyerahan anda berkaitan semua usul ialah:

- Adakah terdapat risiko atau akibat yang tidak diingini yang timbul daripada usul tersebut? Sila nyatakan jika ada.
- Adakah anda mempunyai cadangan penambahbaikan untuk usul ini?
- Adakah usul ini mewakili mana-mana isu Perjanjian Waitangi yang selanjutnya berbanding yang disebut di dalam dokumen ini?

Terdapat lampiran yang menjelaskan lebih terperinci mengenai perubahan undang-undang

Usul tersebut dijelaskan secara umum di dalam dokumen di bawah. Walau bagaimanapun, usul tersebut membangkitkan isu mengenai makna undang-undang khusus bagi setiap perkataan dan bagaimana kata-kata itu merangkumi tingkah laku tertentu. Sekiranya anda berminat untuk membaca dengan lebih terperinci mengenai perubahan bahasa yang diusulkan untuk Hak Asasi Manusia, ini boleh didapati di dalam Lampiran Dua pada bahagian belakang dokumen ini.

Usul yang berkaitan dengan perbuatan menghasut kebencian

Meningkatkan kumpulan yang dilindungi oleh peruntukan perbuatan menghasut

1 *Usul Satu: Ubah bahasa dalam peruntukan perbuatan menghasut untuk melindungi lebih ramai kumpulan yang menjadi sasaran ucapan kebencian*

Apakah itu undang-undang semasa?

Peruntukan perbuatan menghasut hanya terpakai untuk ucapan yang menasarkankan suatu kumpulan disebabkan "warna kulit, kaum, asal usul etnik atau bangsa" mereka.

Apakah masalah dengan undang-undang semasa?

Lebih ramai kumpulan berbanding kumpulan yang berdasarkan "warna kulit, kaum, asal usul etnik atau bangsa" menjadi sasaran ucapan kebencian, termasuk kumpulan berdasarkan agama, jantina, seksualiti, dan kelainan upaya mereka. Kerajaan berpendapat bahawa perbuatan menghasut kebencian atas sebab-sebab ini juga salah dan layak dikenakan proses sivil dan jenayah. Suruhanjaya Diraja juga menganggap bahawa agama harus dimasukkan ke dalam peruntukan.

Apakah yang akan dilakukan oleh usul ini?

Usul ini akan mengubah pengungkapan daripada kedua-dua peruntukan perbuatan menghasut tersebut supaya terpakai kepada lebih ramai kumpulan yang dilindungi daripada diskriminasi oleh Akta Hak Asasi Manusia.

Ia masih terpakai untuk kumpulan yang berdasarkan "warna, kaum, asal usul etnik atau bangsa", tetapi juga akan meliputi ucapan yang menghasut kebencian atau permusuhan terhadap kumpulan lain yang dilindungi daripada diskriminasi oleh Akta Hak Asasi Manusia.

Kumpulan yang mengalami ucapan kebencian berdasarkan alasan lain juga, termasuk seks, jantina (termasuk identiti jantina), kepercayaan agama, kelainan upaya, atau orientasi seksual. Kerajaan berpendapat bahawa kumpulan lain yang mengalami ucapan kebencian juga boleh

dilindungi oleh undang-undang, dan tertarik dengan pandangan mengenai kumpulan yang harus dilindungi oleh perubahan ini.

Dari segi amalan, ini bermaksud bahawa jika seseorang mengatakan atau menulis sesuatu yang memenuhi syarat lain dalam undang-undang dan menasarkankan kumpulan berdasarkan ciri yang disertakan, aduan boleh dibuat kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia atau pihak Polis. Pihak Suruhanjaya atau pihak Polis kemudian akan menentukan tindakan yang akan diambil.

Maklum balas mengenai Usul Satu

- Adakah anda bersetuju bahawa memperluaskan peruntukan perbuatan menghasut dengan cara ini akan melindungi golongan ini dengan lebih baik?
 - o Mengapa atau mengapa tidak?
- Pada pendapat anda, kumpulan yang manakah harus dilindungi oleh perubahan ini?
- Adakah anda berpendapat bahawa terdapat kumpulan yang mengalami ucapan kebencian yang tidak akan dilindungi oleh perubahan ini?

Memperjelaskan tingkah laku yang dilarang oleh undang-undang dan meningkatkan akibat melanggar undang-undang

2

Usul Dua: Gantikan peruntukan jenayah yang sedia ada dengan kesalahan jenayah baharu dalam Akta Jenayah yang lebih jelas dan berkesan

Apakah itu undang-undang semasa?

Seperti yang dijelaskan di dalam dokumen ini (pada halaman 12), terdapat jenayah "menghasut ketidakharmonian kaum" dengan sengaja di Aotearoa dalam seksyen 131 dalam Akta Hak Asasi Manusia.

Apakah masalah dengan undang-undang semasa?

Ini ialah peruntukan yang rumit dan sukar difahami. Ia menggunakan empat istilah, "permusuhan", "niat buruk", "penghinaan", dan "ejekan" yang mempunyai makna luas dan juga berpotensi untuk bertindih. Ia juga menggunakan perkataan "hasut" dengan cara yang jarang digunakan dalam bahasa seharian. Suruhanjaya Diraja menyatakan bahawa, tidak seperti peruntukan sivil, ia tidak merangkumi komunikasi elektronik.

Apakah yang akan dilakukan oleh usul ini?

Usul ini akan mewujudkan peruntukan jenayah baharu dalam Akta Jenayah yang lebih jelas dan lebih mudah difahami berbanding seksyen 131 dalam Akta Hak Asasi Manusia.

Di bawah usul ini, istilah "permusuhan", "niat buruk", "penghinaan" dan "ejekan" akan digantikan dengan "kebencian". Pengungkapan ini dicadangkan oleh Suruhanjaya Diraja, yang

mengakui bahawa perubahan itu akan menyempitkan makna perkataan tersebut, jika dibandingkan dengan kesalahan semasa.

Pengungkapan yang tepat dalam peruntukan ini akan ditentukan selepas perundingan. Ini termasuk sama ada menggunakan istilah "menghasut", "membangkitkan" atau istilah tertentu yang lain dengan makna yang sama.

Usul ini akan melarang ucapan yang mengekalkan atau menormalkan kebencian, di samping ucapan yang menghasut atau membangkitkan kebencian. Ini memastikan bahawa komunikasi yang mungkin ditujukan kepada orang yang mungkin sudah mempunyai pandangan yang melampau akan menyalahi undang-undang.

Usul ini akan merangkumi semua kaedah menyampaikan ucapan (termasuk secara elektronik).

Usul ini akan melindungi kebebasan bersuara dengan memastikan bahawa hanya ucapan kebencian yang melampau akan dikategorikan sebagai jenayah, dan bahawa perlu ada niat untuk menyebabkan orang lain mengembangkan dan memperkuat kebencian terhadap suatu kumpulan.

Kesalahan baharu ini akan dimasukkan ke dalam Akta Jenayah 1961 untuk memberi isyarat bahawa ini ialah suatu kesalahan yang serius.

Pengungkapan dalam usul ini merangkumi pengembangan kumpulan yang dilindungi. Untuk pertanyaan mengenai kumpulan yang harus dilindungi oleh peruntukan perbuatan menghasut, sila lihat Usul Satu.

Maklum balas mengenai Usul Dua

- Adakah anda bersetuju bahawa mengubah pengungkapan dalam peruntukan jenayah dengan cara ini akan menjadikannya lebih jelas dan lebih mudah difahami?
 - o Mengapa atau mengapa tidak?
- Adakah anda berpendapat bahawa usul ini akan merangkumi jenis tingkah laku yang seharusnya melanggar undang-undang di bawah kesalahan baharu?

3

Usul Tiga: Meningkatkan hukuman bagi kesalahan jenayah tersebut hingga penjara tiga tahun atau denda hingga \$50,000 untuk menggambarkan keseriusannya dengan lebih baik

Apakah itu undang-undang semasa?

Penalti semasa (yang bermaksud hukuman) jika seseorang didapati bersalah atas jenayah perbuatan menghasut ialah maksimum tiga bulan penjara atau denda maksimum \$7,000.

Apakah masalah dengan undang-undang semasa?

Berdasarkan penilaian keseriusan tingkah laku yang terangkum dalam peruntukan jenayah yang baharu, dan perbandingan dengan kesalahan jenayah lain, Kerajaan menganggap bahawa hukuman yang dikenakan buat masa ini terlalu rendah. Suruhanjaya Diraja juga mengatakan hukuman tersebut terlalu rendah dan mencadangkan peningkatan tempoh penjara maksimum tiga tahun.

Apakah yang akan dilakukan oleh usul ini?

Usul ini akan meningkatkan hukuman maksimum untuk kesalahan jenayah baharu hingga tiga tahun penjara atau denda hingga \$50,000.

Oleh kerana kesalahan ini merangkumi tingkah laku yang bertujuan menyebarkan kebencian terhadap kumpulan dalam masyarakat, Kerajaan berpendapat bahawa hukuman yang dikenakan harus lebih tinggi daripada hukuman kerana mengarahkan kebencian kepada seseorang.

Beberapa kesalahan dan hukuman yang setanding ialah:

- kesalahan tingkah laku tidak senonoh dalam seksyen 3 dalam Akta Ringkasan Kesalahan 1981 mempunyai hukuman maksimum penjara tiga bulan dan denda \$2,000
- kesalahan menyiarkan komunikasi digital berbahaya dalam seksyen 22 dalam Akta Komunikasi Digital Berbahaya 2015 mempunyai hukuman maksimum dua tahun penjara atau denda \$50,000
- Kesalahan mengancam untuk membunuh atau menyebabkan kecederaan badan yang teruk dalam seksyen 306 dalam Akta Jenayah 1961 mempunyai hukuman maksimum tujuh tahun penjara
- Kesalahan membuat atau menyebarkan penerbitan yang tidak menyenangkan dalam seksyen 124 dalam Akta Klasifikasi Filem, Video dan Penerbitan 1993 mempunyai hukuman maksimum 14 tahun penjara.

Maklum balas mengenai Usul Tiga

- Adakah anda berpendapat bahawa hukuman ini dapat menggambarkan keseriusan jenayah tersebut?
 - o Mengapa atau mengapa tidak?
- Sekiranya anda tidak bersetuju, apakah jenayah yang harus dijadikan perbandingan yang sesuai?

4 *Usul Empat: Ubah bahasa peruntukan perbuatan menghasut sivil agar sesuai dengan perubahan yang dibuat terhadap peruntukan jenayah*

Apakah itu undang-undang semasa?

Seperti yang dijelaskan (sila lihat halaman 11), seksyen 61 dalam Akta Hak Asasi Manusia ialah peruntukan sivil yang menjadikan tindakan seseorang itu menyalahi undang-undang kerana menghasut permusuhan atau penghinaan terhadap kumpulan berdasarkan "warna kulit, kaum, atau asal usul etnik atau bangsa".

Apakah masalah dengan undang-undang semasa?

Sekiranya Usul Dua dilaksanakan, akan terdapat ketakkonsistenan antara pengungkapan yang digunakan dalam peruntukan jenayah dan sivil. Ini akan menimbulkan ketidakpastian tentang perbezaan antara "menghasut atau membangkitkan kebencian" dan "menghasut permusuhan atau membuat penghinaan". Ia mungkin tidak jelas bahawa aduan boleh dibuat berdasarkan peruntukan sivil untuk perbuatan menghasut kebencian. Tidak membezakan antara peruntukan sivil dan jenayah.

Apakah yang akan dilakukan oleh usul ini?

Usul ini akan mengubah pengungkapan dalam peruntukan sivil perbuatan menghasut untuk memasukkan "menghasut/membangkitkan, mengekalkan atau menormalkan kebencian" bersama dengan pengungkapan yang ada.

Perlu ada kekonsistenan antara peruntukan sivil dan jenayah dalam jenis tingkah laku yang dilarang. Wajar untuk "kebencian" dimasukkan ke dalam peruntukan sivil supaya tanggungjawab sivil juga dikenakan untuk komunikasi yang paling serius dan merosakkan.

Usul semasa tidak membuat perubahan lain kepada peruntukan sivil. Suruhanjaya Diraja menyatakan pengungkapan peruntukan sivil menimbulkan isu-isu pelaksanaan kerana ia juga tidak jelas.

Peruntukan itu mungkin memerlukan perubahan lain untuk memperjelaskan tingkah laku yang terangkum selain menghasut kebencian.

Maklum balas mengenai Usul Empat

- Adakah anda menyokong mengubah bahasa ini dalam seksyen 61?
 - o Mengapa atau mengapa tidak?
- Adakah anda berpendapat bahawa bahagian lain daripada pengungkapan peruntukan sivil semasa harus diubah?

Meningkatkan perlindungan terhadap diskriminasi secara lebih luas

Kerajaan telah mengenal pasti bahawa terdapat dua masalah dengan undang-undang yang berkaitan dengan diskriminasi dalam Akta Hak Asasi Manusia yang ingin ditangani. Kerajaan juga ingin mendengar pandangan anda mengenai perkara tersebut.

5 *Usul Lima: Ubah peruntukan sivil supaya menjadikan "perbuatan menghasut untuk mendiskriminasi" melanggar undang-undang*

Apakah itu undang-undang semasa?

Seksyen 61 tidak termasuk penyebutan "menghasut diskriminasi".

Apakah masalah dengan undang-undang semasa?

Di bawah ICCPR, "sebarang sokongan kepada kebencian kebangsaan, kaum atau agama yang menghasut diskriminasi, permusuhan atau kekerasan hendaklah dilarang oleh undang-undang." Aotearoa telah mendaftar untuk ICCPR, tetapi buat masa ini, perbuatan menghasut diskriminasi tidak dilarang oleh undang-undang Aotearoa. Perubahan yang dicadangkan akan membolehkan Aotearoa menyelaraskan undang-undang kita dengan ICCPR dengan lebih baik.

Apakah yang akan dilakukan oleh usul ini?

Ini menjadikan tindakan menghasut orang lain untuk melakukan diskriminasi terhadap anggota kumpulan yang dilindungi daripada diskriminasi sebagai menyalahi undang-undang di bawah Akta Hak Asasi Manusia, yang akan dilindungi oleh peruntukan perbuatan menghasut kebencian. Diskriminasi bermaksud memperlakukan seseorang lebih teruk daripada orang lain disebabkan sesuatu tentang mereka, seperti etnik atau jantina. Seperti Usul Empat, ini akan mengubah pengungkapan dalam peruntukan sivil.

Maklum balas mengenai Usul Lima

- Adakah anda menyokong termasuk larangan perbuatan menghasut untuk melakukan diskriminasi dalam seksyen 61?
 - o Mengapa atau mengapa tidak?

6 *Usul Enam: Tambah pada alasan diskriminasi dalam Akta Hak Asasi Manusia untuk menjelaskan bahawa golongan trans, kepelbagaian gender dan interseks dilindungi daripada diskriminasi*

Apakah itu undang-undang semasa?

Senarai alasan diskriminasi yang dilarang dalam Akta Hak Asasi Manusia termasuk "seks, yang merangkumi kehamilan dan kelahiran anak" dan "orientasi seksual, yang bermaksud orientasi heteroseksual, homoseksual, lesbian, atau biseksual".

Apakah masalah dengan undang-undang semasa?

Kerajaan berpendapat bahawa peruntukan semasa tidak cukup jelas bagi golongan trans, kepelbagaian gender dan interseks dilindungi daripada diskriminasi. Kerajaan dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia menganggap bahawa alasan "seks" semasa meliputi kumpulan ini, tetapi "seks" dan "jantina" adalah konsep yang berbeza dan undang-undang boleh memperjelas dengan lebih baik.

Apakah yang akan dilakukan oleh usul ini?

Usul ini akan membuat perubahan ke atas alasan diskriminasi yang dilarang dalam Akta Hak Asasi Manusia untuk memperjelaskan perlindungan untuk golongan trans, kepelbagaian gender dan interseks. Ini akan dilakukan dengan mengubah pengungkapan alasan "seks" untuk memasukkan "ciri-ciri seks atau status interseks" dan menambah alasan baharu "gender termasuk ekspresi gender dan identiti gender". Ini akan menjelaskan bahawa ia menyalahi undang-undang untuk melakukan diskriminasi atas alasan gender, ekspresi gender, identiti gender, ciri-ciri seks atau status interseks. Kami mengetahui pengungkapan lain yang mungkin digunakan seperti "variasi ciri-ciri seks" atau "bukan binari" berbanding dengan kepelbagaian gender.

Perjanjian Waitangi sangat relevan untuk usul ini. Kerajaan ingin memastikan bahawa perubahan ini dapat memastikan bahawa takatāpui dan identiti gender khusus budaya dilindungi daripada diskriminasi. Takatāpui ialah istilah tradisional yang bermaksud 'teman intim daripada jantina yang sama.' Ia telah dituntut semula untuk merangkumi semua orang Māori yang dikenal pasti dengan kepelbagaian gender dan keseksualan seperti whakawāhine, tangata ira tāne, lesbian, gay, biseksual, trans, interseks dan pelik (queer).

Usul ini tidak berkaitan langsung dengan peruntukan perbuatan menghasut kebencian. Walau bagaimanapun, Usul Satu boleh menyebabkan peruntukan perbuatan menghasut diperluas untuk melindungi golongan trans, kepelbagaian gender dan interseks daripada ucapan yang menghasut kebencian.

Penglibatan dalam usul ini terutamanya bertujuan untuk memastikan bahasa yang sesuai digunakan dalam seksyen 21 dalam Akta, kerana Kerajaan menganggap ini sebagai penjelasan status quo dan bukannya perubahan dasar dalam undang-undang.

Maklum balas mengenai Usul Enam

- Adakah anda beranggapan bahawa istilah ini sesuai?
- Adakah anda berpendapat bahawa usul ini cukup merangkumi kumpulan yang seharusnya dilindungi daripada diskriminasi di bawah Akta Hak Asasi Manusia?
- Adakah anda menganggap bahawa usul ini melindungi identiti gender khusus budaya, termasuk takatāpui?

Usaha berkaitan yang tidak dirujuk di dalam dokumen ini

Dokumen perbincangan ini telah difokuskan pada aspek tertentu daripada usaha kerajaan yang lebih luas.

Kerajaan sedang melakukan perbagai usaha berkaitan sebagai tindak balas terhadap cadangan daripada Suruhanjaya Diraja. Sebahagian usaha ini bermula sebelum laporan Suruhanjaya Diraja dikeluarkan. Ia termasuklah:

- memperkukuhkan keupayaan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia untuk bertindak balas terhadap ucapan kebencian, perkauman dan diskriminasi
- Usaha yang dipimpin oleh pihak polis untuk mengenal pasti, merekod, melaporkan dan bertindak balas dengan tepat terhadap jenayah yang berkaitan dengan kebencian
- Usaha Kementerian Kehakiman berkaitan dengan jenayah kebencian
- usaha untuk memerangi fahaman melampau dan keganasan
- perubahan kepada takrifan yang tidak sesuai di bawah Akta Klasifikasi Filem, Video dan Penerbitan
- pembentukan Kementerian Komuniti Etnik untuk meningkatkan hasil bagi komuniti etnik
- usaha terhadap perpaduan sosial
- mengembangkan Pelan Tindakan Kebangsaan Menentang Isu Perkauman, dan
- usaha menguatkan ketahanan terhadap maklumat salah dan maklumat yang tidak disampaikan.

